



Sesi Libat Urus Bersama Pemegang Taruh Siri 4

Menambah baik Mobiliti Pekerja Asing dan Produktiviti Sektor Pembinaan dan Perkilangan di Malaysia

Isnin, 14hb Julai 2025

**CIDB Malaysia, The MET Corporate Towers,
Kuala Lumpur**

Kumpulan Kerja Teknikal Modal Insan (TWGHC)

OBJEKTIF SESI LIBAT URUS

1. Memaklumkan perbincangan **isu** mobiliti pekerja asing yang dihadapi oleh pemain industri di sektor perkilangan dan pembinaan di Malaysia serta **cadangan penambahbaikan**;
2. Mendapatkan **maklum balas** daripada pihak CIDB; dan
3. Membincangkan **langkah seterusnya**

KRONOLOGI

- **9 Mei 2024** - Terima aduan pemain industri di platform MyMudah.
- **4 Mac 2025** - Sesi libat urus (*online*) dengan pengadu
- **10 Mac 2025** - Sesi libat urus (*online*) (Siri 1) dengan pihak berkepentingan
- **24 Mac 2025** - Sesi libat urus (*online*) dengan persatuan perniagaan
- **7 Mei 2025** - Bengkel (Siri 2) bersama pihak berkepentingan @ Petaling Jaya
- **19 Jun 2025** - Bengkel (Siri 3) bersama pihak berkepentingan @ Putrajaya
- **10 Julai 2025** - Sesi libat urus (*online*) dengan Co-Chair TWGHC
- **14 Julai 2025** - **Sesi libat urus (Siri 4) bersama pihak berkepentingan @ CIDB**


RINGKASAN ISU MOBILITI PEKERJA ASING RENTAS SEKTOR

Kilang membuat *precast concrete* menghadapi **kekurangan pekerja berkemahiran khusus** bagi menampung kapasiti operasi yang meningkat.

- Permintaan terhadap *precast concrete* yang meningkat.
- Meminta bantuan tenaga buruh asing (PLKS) dari sub-kontraktor di **tapak binaan**
 - kemahiran yang sama
 - mengelakkan masa menunggu yang lama untuk memohon PLKS baharu.
- Majikan menghadapi masalah penguatkuasaan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) – dikenakan **penalti**.
- Syor majikan – Kerajaan memperkenalkan **cross-permit** kepada PLKS di sektor perkilangan dan pembinaan.

MODEL PERNIAGAAN *HYBRID* SEDANG MUNCUL


SENARIO 1



Majikan A memiliki Kilang Precast ABC dan Syarikat Bina DEF.

Kilang Precast ABC membekalkan *precast concrete* dan perkhidmatan pemasangan kepada Syarikat Bina DEF.

SENARIO 2



Majikan A memiliki Kilang Precast ABC dan Majikan B memiliki Syarikat Bina DEF.

Kilang Precast ABC membekalkan *precast concrete* dan perkhidmatan pemasangan kepada Syarikat Bina DEF.

JURANG DASAR & OPERASI PERNIAGAAN

1. Sekatan perundangan

- **Akta Imigresen 1959/63** menghadkan mobiliti pekerja asing sedia ada menukar sektor berbeza (Senario 2), kecuali digaji oleh majikan yang sama (Senario 1).
- Pekerja asing yang bekerja di lokasi selain daripada alamat yang tertera di PLKS dan tidak mendapat kebenaran daripada pihak JIM terlebih dahulu didapati telah melanggar perundangan imigresen dan melakukan suatu kesalahan.

2. Kelulusan pengecualian atau khas

- Kelulusan pengecualian atau kelulusan khas (*special approval*) tidak seragam, kurang telus, reaktif (*ad-hoc*) dan mengambil masa yang lama.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DASAR

1. Status quo (*do nothing*)

- Tekanan tenaga buruh meruncing untuk menyokong kapasiti operasi di kilang yang meningkat.
- Kekurangan pekerja tempatan di sektor pembinaan dan pembuatan
- Risiko kelewatan memenuhi tempahan & kehilangan peluang perniagaan
- Kos yang tinggi & tempoh menunggu yang panjang untuk mendapatkan kelulusan kuota dan PLKS baharu.
- Risiko pelanggaran perundangan imigresen dan dikenakan penalti.
- Kebergantungan kepada pekerja asing.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DASAR

2. Membenarkan pekerja asing sektor pembinaan sedia ada bekerja di sektor pembuatan

- Penggunaan tenaga kerja lebih fleksibel dan optimum
- Pengurangan kos pengambilan dan pentadbiran
- Peningkatan kecekapan projek dan masa siap kerja
- Pembangunan kemahiran rentas sektor

CADANGAN ELEMEN KAWAL SELIA DASAR

2. Membenarkan pekerja asing sektor pembinaan sedia ada bekerja di sektor pembuatan

- a. tanggungjawab majikan ke atas kebajikan pekerja asing (seperti bayaran gaji, kediaman pekerja, caruman pekerja asing dll.),
- b. kadar caj atau levi di kedua-dua sektor,
- c. penggunaan kod bar/digital bagi menjejak pekerja asing yang dibenarkan untuk bekerja rentas sektor,
- d. permohonan mobiliti rentas sektor secara digital melalui sistem MyImmms,
- e. had kuota pekerja asing sedia ada yang dibenarkan untuk bekerja rentas sektor
- f. pekerja asing sektor pembinaan hanya bekerja di kilang yang membekalkan produk bahan binaan bagi tujuan projek pembinaan yang sama – kontrak perjanjian perkhidmatan
- g. pekerja asing sedia ada memegang PLKS sekurang-kurangnya satu tahun, dan
- h. penetapan jenis kemahiran tertentu berkaitan pembinaan untuk bekerja di kilang –**
agensi kawal selia seperti CIDB.

MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN

Melaksanakan inisiatif rintis (*pilot initiative*) – membenarkan mobiliti pekerja asing sektor pembinaan sedia ada bekerja di sektor pembuatan

- Melibatkan KDN (JIM), KESUMA (JTKSM, PERKESO), KKR (CIDB), MITI (MIDA, MPC).
- Meneroka potensi adaptasi model mikro *factory-in-factory* oleh MIDA.

Bilangan syarikat yang diluluskan	9 syarikat pembuatan (kilang)
Nilai pelaburan	RM 573 juta
Taburan syarikat	Johor : 7 syarikat Selangor : 1 syarikat Melaka : 1 syarikat
Saiz syarikat (bilangan pekerja) Kecil : Kurang daripada 75 pekerja Sederhana : 75–200 pekerja Besar : Lebih daripada 200 pekerja	Kecil : 7 syarikat Sederhana : 1 syarikat Besar : 1 syarikat

Nota : Data antara 2022 – Q1 2025; **Sumber** : MIDA (2025)

LANGKAH SETERUSNYA

1. Sokongan pelaksanaan inisiatif rintis

- Mobiliti pekerja asing rentas sektor pembinaan dan pembuatan – industri *precast concrete* – kriteria kelayakan dan mekanisme pematuhan.

2. Pembentangan inisiatif rintis kepada PEMUDAH *Private Sector Meeting*

- Pembentangan kertas cadangan dijadualkan pada bulan Ogos 2025.

3. Penubuhan pasukan petugas bersama (*joint task force*)

- Penglibatan KDN (JIM), KESUMA (JTKSM, PERKESO), KKR (CIDB), MITI (MIDA, MPC).
- Menyediakan garis panduan operasi, peraturan, mekanisme pemantauan dan penilaian.

4. Garis masa dan strategi pelaksanaan

- Pelaksanaan rintis pada Q4:2025 selepas sokongan kertas cadangan dan ketersediaan rentas agensi.
- Lokasi rintis : Negeri Johor

MAKLUM BALAS CIDB

1. ...
2. ...
3. ...



Sesi Libat Urus Bersama Pemegang Taruh Siri 3

**Menambah baik Mobiliti Pekerja Asing dan Produktiviti Sektor Pembinaan
dan Perkilangan di Malaysia**

Terima Kasih

Kumpulan Kerja Teknikal Modal Insan (TWGHC)



Driving **Productivity** of the Nation

TERIMA KASIH

*Enhancing Malaysia's Productivity: Streamlined
Regulations, Innovation-Driven Technology, and Progressive
Labour Reforms for Sustainable Growth.*